

PM jawab tuduhan

Abdullah mahu kritikan disertakan bukti atau terima padah

13/11 - 8/3/2006

Oleh Abdul Halim Yusoff

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang menjawab pelbagai tuduhan terhadap pentadbirannya malam tadi, berkata mereka yang membuat dakwaan tanpa mengemukakan bukti akan menerima padah akibat pembongkaran itu.

Ketika diwawancara oleh Pengerusi Bernama, Datuk Mohd Annuar Zaini dalam program khas 'Bersemuka Bersama Perdana Menteri' kira-kira 40 minit yang disiarkan TV3, beliau menjawab satu persatu tuduhan yang mempertikaikan kewibawaannya memimpin negara termasuk oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Yang terbaru adalah dakwaan kononnya pengumuman projek bernilai RM15 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) adalah satu sandiwara kerana kontraktor tertentu telah dipilih walaupun tender belum dikeluarkan.

Perdana Menteri berkata, tuduhan yang dilemparkan ke atas pentadbirannya itu memberi gambaran seolah-olah beliau menipu rakyat.

"Ini cakap fitnah ini, kalau dia betul-betul, tulis surat, biar berani kerana benar. Cakap dan kita akan ambil tindakan. Saya nak dia buktikan macam mana, apa maklumat, di mana dia dapat maklumat, saya hendak. Kalau dia tak dapat, rasalah padahnya," tegasnya.

Abdullah berkata, selain dirinya, mereka yang membuat tuduhan itu juga boleh menulis surat kepada polis, Badan Pencegah Rasuah dan agensi lain.

"Saya hendak dia jelaskan macam mana dia boleh kata begitu sebab ini pembongkaran. Dia nak menghina ke-

rajaan, dia nak menghina saya, macam mana boleh macam itu," katanya.

Perdana Menteri berkata, mereka yang menyebarkan fitnah itu sebenarnya berniat jahat untuk memperlekehkan beliau dan juga mungkin mempunyai agenda tertentu.

Mengenai dakwaan yang beliau lambat membuat keputusan, Abdullah mengakui beliau memerlukan masa kerana setiap keputusan yang dibuat akan memberi kesan kepada rakyat dan negara.

"Ada masa kita perlu berhati-hati. Satu perkara yang saya tahu sejak saya jadi PM, apa yang saya buat, buruk baiknya banyak orang yang akan terima kesannya.

"Kalau buruk, buruk padahnya, kalau kesan baik Alhamdulillah tetapi yang saya bimbang kalau jadi salah, jadi tak elok, ramai yang akan menderita, ramai yang akan sengsara, ini yang saya takut," katanya.

Ditanya sikapnya yang dianggap terlalu berlembut, Perdana Menteri berkata, beliau lebih suka menjadi pemimpin yang dihormati daripada ditakuti orang ramai sebagaimana pendapat saintis politik terkenal, Niccolo Machiavelli.

"Saya tak percaya, sebagai orang Islam, pendekatan Machiavelli itu patut diamalkan, tak boleh. Kita tak boleh apa jua cara dapat dihalalkan asalkan apa yang mahu diperolehi. Saya tak berpegang kepada falsafah itu," katanya.

Beliau menegaskan, sikap berlembut atau keras bukanlah perkara penting untuk menjadi pemimpin tetapi yang utama menegakkan kebenaran dan adil.



JAWAB TUDUHAN: Abdullah ketika menjawab soalan dalam rancangan 'Bersemuka Bersama Perdana Menteri' yang disiarkan TV3, malam tadi.